

BENGKEL TOT SPARK PKK 2022

Pada 22 Julai 2022, Unit Psikologi Pusat Kerjaya dan Kaunseling telah mengadakan Bengkel TOT SPARK 2022 kepada Pegawai Psikologi Pusat Kerjaya dan Kaunseling.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberikan latihan TOT kepada para pegawai psikologi di Pusat Kerjaya & Kaunseling bagi menjalankan modul SPARK.

Tema yang dipilih pada tahun ini ialah Resiliensi Di Tempat Kerja. Topik ini akan disampaikan oleh semua pegawai psikologi yang dilantik kepada PTJ yang telah mengisi permohonan penganjuran program SPARK dijabatan mereka.



PROGRAM SANTAI PAGI BERSAMA KAUNSELOR (SPARK) 2022

PTJ: BGSU, Pejabat Pendaftar

Pejabat TNC HEP


Bahagian Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa

Pada 26 Julai 2022, Program SPARK ini telah diadakan di Dewan Al-Ghazali Aras 3, Bangunan Wawasan yang melibatkan 40 orang staf dari Pejabat Pendaftar yang telah disampaikan oleh Pn. Nur Farahzawanah Ali dan Fasilitator ialah Pn. Nurain Atan.

Selain itu juga, Program SPARK ini turut dilaksanakan di Bilik Mesyuarat HEP, Bangunan Canseleri pada 26 Julai 2022 dengan penglibatan peserta seramai 15 orang dari kalangan staf pejabat TNC HEP yang telah disampaikan oleh En. Faizul Adenan dan Fasilitator oleh En. Mohd Zakiuddin.

Pada 18 Ogos 2022, program ini diteruskan lagi secara dalam talian dengan penglibatan seramai 47 orang staf dari Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa yang telah disampaikan oleh Pn. Nurain Atan dan Fasilitator ialah Pn. Nurulaini Muhiyuddin.

Program ini dijalankan bertujuan memberi ruang kepada peserta untuk mengenali tahap resilensi diri serta untuk mengenali kemahiran daya tindak yang positif dalam membantu kesejahteraan diri seterusnya meningkatkan prestasi di tempat kerja. Program ini mendapat penilaian 100% peserta berpuas hati dengan topik dan penyampaian yang disampaikan.





PUSAT KERJAYA DAN KAUNSELING

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Aras 5, Kompleks Budisiswa
Universiti Teknologi MARA
Shah Alam

03 - 5544 2630/2379/3211/3496
pkk@uitm.edu.my



<https://careercounselling4u.uitm.edu.my/>



Career & Counselling Centre, Universiti Teknologi MARA



careercounsellingcentreuitm